

TARIKH : 12 FEBRUARI 2023

AKHBAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 15

Kurang pekerja faktor masalah telur

MAFS berusaha atasi isu kekurangan pekerja dihadapi penternak

Kurang pekerja faktor masalah telur

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI

SEREMBAN – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) akan mengatasi masalah kekurangan pekerja dihadapi, penternak yang dilihat antara faktor berlakunya kekurangan bekalan telur ayam ketika ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, bagi mengatasi masalah yang dihadapi itu, pihaknya akan menjalankan kerjasama dengan pihak Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia.

"Pengusaha akan diminta melipat gandakan pengeluaran kalau (mereka) tidak cukup pekerja, kami cuba memberi laluan mudah cara untuk mereka menambahkan pekerja.

"Sebab masalah utama mereka selain masalah harga makanan ialah masalah kekurangan pekerja.



PEKERJA pemborong telur menyusun bekalan yang diterima penternak di sebuah premis baru-baru ini.

"Sekarang kami cuba atasi melalui Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sum-

ber Manusia untuk menambah pekerja di sektor pertanian dan termasuklah sektor yang lain,"

katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mer-

asmikan Persidangan Antarabangsa Palestin Kuala Lumpur 2023 di Seremban semalam.

Kelmarin media melaporkan mengenai keluhan pengusaha kuih raya berhubung kekurangan bekalan telur ayam di pasaran menjelang Ramadan dan perayaan Aidilfitri.

Kata Mohamad, beliau tidak menolak berlakunya isu kekurangan bekalan telur menjelang musim perayaan dan perkara itu menurutnya akan diatasi.

"Isu telur ayam ini bermasalah kepada banyak negara di dunia dan termasuk negara kita.

"Kebimbangan itu tetap ada masuk sahaja pada bulan Ramadan kerana penggunaan telur ayam dan bahan-bahan yang lain akan meningkat.

"Disebabkan itu, kena bincang bersama pihak pengusaha supaya melipatkan gandakan pengeluaran mulai sekarang," jelasnya.